

ILMU MORFOLOGI ARAB BERDASARKAN KORPUS BAHASA: WAWASAN TERKINI DALAM PENGAJARAN SORAF DAN PEMBINAAN KAMUS LEKSIKAL DWIBAHASA (ARAB-MELAYU)

Zulkipli bin Md. Isa ⁱ, Wan Moharani Mohammad ⁱⁱ, Nurhasma Muhamad Saad ⁱⁱⁱ Hj.
Sulaiman bin Ismail ^{iv}, Yuslina bt Mohamed ^v, Muhammad Marwan Ismail ^{vi}

ⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. zulkipli@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. moharani@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. nurhasma@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. sulaiman.i@usim.edu.my

^v Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. yuslina@usim.edu.my

^{vi} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. marwanismail@usim.edu.my

Abstrak

Kajian bahasa perlu terus berkembang seiring dengan wawasan masa kini sama ada dari aspek pengajaran mahupun penyusunan kamus-kamus leksikal dwibahasa. Walaupun ilmu morfologi dan penyusunan kamus-kamus ekabahasa bahasa Arab telah dibina sejak beratus-ratus tahun dahulu, namun kepesatan ilmu-ilmu dan teori-teori linguistik masa kini membolehkan para pengkaji melihat pelbagai sudut-sudut bahasa untuk dikaji dan diolah semula bagi tujuan pengajaran bahasa supaya lebih edukatif dan dinamik sesuai dengan keperluan para pelajar. Ini tidak sekali-kali mengubah nilai preskriptif yang ada pada bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, sebaliknya ianya adalah pendekatan yang lebih dinamik sebagai usaha mempergiatkan perkembangan pengajaran ilmu-ilmu bahasa Arab kepada para pelajar. Justeru, pendekatan dengan wawasan dan orientasi terkini ini adalah berdasarkan kewujudan puluhan ribu perkataan-perkataan arab dalam korpus-korpus bahasa yang terdiri daripada kamus-kamus ekabahasa karangan para ulamak silam mahupun kontemporari. Perkataan-perkataan ini disusun dan dikumpulkan secara lambak tanpa pengasingan dari aspek kata kerja dan kata nama, bersama-sama dengan kata terbitan dari kedua-duanya yang dibentuk dari pelbagai kaedah pengimbuhan samada awalan, sisipan, dan akhiran dengan menambah fonem-fonem tambahan padanya selari dengan kaedah ilmu morfologi Arab. Kajian ini, akan mencadangkan sebuah orientasi dan wawasan terkini dalam penyusunan entri dalam kamus dwibahasa dengan melihat jenis-jenis anomalnya dalam aspek 'i'lal, ibdal, idqham, jama', dan lain-lain, sebagai teknik pengajaran terkini yang berasaskan korpus yang dikelaskan melalui analisis linguistik secara terus serta diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai sebuah kamus. Kajian ini berasaskan analisis deskriptif terhadap teks korpus. Kajian ini diharap mampu merintis usaha membina sebuah kamus leksikal dwibahasa (Arab-Melayu) bagi tujuan pengajaran masa kini selari dengan wawasan pandang ke depan ke arah peremajaan pendekatan-pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Kata kunci: *Morfologi, korpus, kamus, pengajaran.*

PENDAHULUAN

Bahasa-bahasa di dunia ini, secara lazimnya dibahagikan kepada tiga jenis kategori, iaitu bahasa analitis, bahasa agglutinatif, dan bahasa isolatif. Bahasa Arab adalah

sebuah bahasa analitis yang mempunyai proses pembentukan perkataan yang agak kompleks dan unik kerana berlaku pelbagai jenis perubahan pada kata akar melalui proses pengimbuhan samada awalan, akhiran mahupun sisipan. Proses ini berlaku dengan penambahan sebanyak 10 jenis fonem secara tersendiri atau gabungan beberapa jenis fonem yang seterusnya membentuk morfem untuk memberi makna yang tersendiri kepada perkataan-perkataan tersebut. Proses ini telah menjadikan bahasa Arab sangat kaya dengan perkataan.

Dengan demikian, perkataan-perkataan yang terbentuk dari proses tersebut telah ini dikumpul oleh para ulamak leksikologi melalui pelbagai jenis metodologi yang inovatif agar semua perkataan-perkataan ini dapat disimpan dan digunapakai sebagai data korpus yang autentik bagi memahami bahasa Arab dan Al-Quran secara spesifiknya. Namun begitu, pengumpulan seperti ini walaupun amat baik untuk memastikan sifat preskriptif sesuatu bahasa, ianya perlu lonjakan dan orientasi baru supaya ianya lebih bersifat edukatif sejajar dengan kaedah pembinaan kata dalam bahasa Arab itu sendiri dari aspek morfologinya.

Satu usaha pengumpulan dan penyusunan semula perkataan-perkataan Arab perlu dilakukan dengan mengambil kira aturan susunan mengikut fonem-fonem tambahan dan bukannya berdasarkan kata akar semata-mata seperti kebiasaan kamus-kamus terdahulu. Justeru, bagi menyuntik nilai edukatif yang lebih signifikan, perkataan-perkataan ini bukan sahaja perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, bahkan perlu dikategorikan mengikut jenis-jenis kata yang terbentuk hasil daripada proses pengimbuhan tersebut. Hal ini bukan sahaja memudahkan para pelajar untuk merujuk makna-makna sesuatu perkataan berdasarkan imbuhan, bahkan memantapkan kefahaman mereka dalam ilmu morfologi kerana penyusunan perkataan telah dikategorikan mengikut jenis-jenis kata yang terbentuk hasil penambahan sesuatu fonem.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kaedah Pembentukan Kata Dalam Bahasa Arab Mengikut Acuan Morfologi Arab

Menurut Dr. Subhi Soleh (Subhi, 2007), bahasa Arab tergolong dalam jenis bahasa-bahasa analitis seperti kebanyakan bahasa-bahasa semitik dan bahasa 'Indo-European' yang lain. Bahasa-bahasa dalam kategori ini sangat unik dan kompleks kerana pembentukan sesuatu perkataan akan melalui proses ubah-alih yang ketara pada kata akarnya. Namun begitu, setiap bahasa dalam kategori ini juga akan melalui proses pengimbuhan samada awalan, akhiran, atau sisipan seperti yang terjadi kepada kebanyakan bahasa-bahasa dalam kategori aglutinatif.

Sifat analitis yang ada dalam bahasa Arab ini menjadikan bahasa Arab disebut sebagai bahasa 'isytiqaqiyyah' juga. Ini kerana suatu perkataan dalam bahasa Arab boleh membentuk pelbagai jenis perkataan yang lain melalui proses pengimbuhan mengikut acuan morfologi bahasa Arab dengan penambahan beberapa unit fonem dan morfem secara sekata mahupun tidak sekata (Abduh Rajihi, 1984). Contohnya, perkataan (kataba) yang terdiri daripada tiga suku kata terbuka sebagai kata akar atau tunggal, boleh membentuk beberapa jenis perkataan yang lain seperti kataba, maktub, maktab, yaktubu, dan lain-lain. Proses ini dapat dilakukan dengan penambahan fonem, samada konsonan mahupun vokal lalu membentuk satu suku kata (silibal) atau morfem dengan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh ulamak morfologi Arab.

Menurut para ulamak terdahulu seperti Sibawaih (Sibawaih: 1988), Al-Mubarrid (Al-Mubarrid:tt), Ibnu Sarraj (Ibnu Sarraj: tt) , Ibnu Jinni (Ibnu Jinni: 1954), Ibnu 'Ushfur (Ibnu 'Ushfur: 1996), hanya terdapat 10 jenis fonem tambahan yang digunakan dalam proses pengimbuhan perkataan dalam Bahasa Arab samada untuk kata nama mahupun kata kerja. Fonem-fonem tersebut ialah, Hamzah, Alif, Ha, Ya, Nun, Ta, Sin, Mim, Wau, Lam, dan boleh digabungkan dalam satu frasa 'saaltumuniha' atau 'atahusulaiman' atau 'alyautansahu'. Menurut mereka, fonem-fonem ini bukanlah bermakna hanya wujud sebagai huruf tambahan, sebaliknya boleh menjadi huruf asal dalam mana-mana perkataan, namun apabila proses pengimbuhan diperlukan, maka sepuluh fonem ini sahaja diperlukan untuk proses tersebut. Ibnu Yaish' (Ibnu Ya'ish:2001) dalam kitabnya Syarh Al-Mufasssol menjelaskan bahawa asal fonem-fonem tambahan ini adalah "huruf mad" atau huruf vokal panjang iaitu alif, waw, dan ya. Ini kerana sifatnya yang lembut dan tiada sebarang halangan pada laluan keluar angin ketika proses artikulasinya, berbeza dengan fonem konsonan yang terpaksa melalui laluan yang sempit atau tertutup bagi membentuk sifatnya atau ciri-cirinya. Adapun baki tujuh fonem yang lain, maka ianya digunakan sebagai fonem tambahan kerana sifat-sifatnya yang menyerupai huruf-huruf vokal tersebut secara fisiologi sebutannya.

Untuk setiap fonem-fonem tambahan ini, kebanyakan ulamak tidak menerangkan dengan lebih terperinci jenis-jenis perkataan yang terlibat atau 'wazan' yang terbentuk hasil pengimbuhan ini. Contohnya untuk pengimbuhan fonem mim, menurut Ibnu Jinni (Ibnu Jinni: 1954), fonem mim datang sebagai imbuhan pada awal perkataan sama seperti hamzah dan ya. Ini kerana tiada beza antara mim dan hamzah dalam proses pengimbuhan kerana setiap kedudukan hamzah sebagai fonem tambahan sama dengan tempat tambahan untuk fonem mim. Sibawaih dan Ibnu Sarraj ada menyatakan beberapa jenis 'wazan' yang terlibat dalam pengimbuhan mim. Antaranya 'maf'ul' , maf'il, muf'il, dan mif'al, dan kedua-duanya sepakat seperti kebanyakan ulamak lain yang mengatakan kedudukan fonem mim sebagai imbuhan sama seperti kedudukan hamzah. Mungkin ini sebab utama kebanyakan mereka tidak

membuat penerangan yang lanjut tentang fonem mim dan jenis-jenis wazan yang terlibat kerana boleh dikiaskan dengan hamzah atau ya. Selain itu, para ulamak juga sepakat mengatakan fonem mim hanyalah dijadikan imbuhan tambahan awalan untuk kata nama sahaja.

Metodologi Ulamak Dalam Penyusunan Kamus-kamus Arab

Penulisan kamus-kamus Arab sebenarnya berkait rapat dengan tabiat dan hakikat ilmu morfologi dalam Bahasa Arab. Ini kerana para ulamak leksikologi Arab telah mengarang dan menyusun kamus-kamus mereka sejak kurun kedua hijrah dengan mengambil kira cara pembentukan suatu perkataan dalam Bahasa Arab. Maka, setiap kamus yang dibina sejak zaman Al-Khalil sehinggalah ke masa kini, para ulamak akan mengambil kira susunan perkataan dalam kamus mereka mengikut bilangan fonem dan silibal yang membentuk sesuatu perkataan, dan juga susunan entri mengikut abjad Arab. Namun, perbezaan yang ketara dapat dilihat sesama mereka apabila terdapat para ulamak yang mengambil kira susunan Abjad Arab secara tradisi iaitu abjad susunan Nasr bin 'Asim (Emel Badi': 1981), dan terdapat mereka yang menyusun sendiri abjad mengikut tempat keluarnya sebutan sesuatu fonem, atau disebut makhraj huruf.

Secara umumnya, kepelbagaian metodologi para ulamak yang menyusun kamus-kamus ini boleh dibahagikan kepada lima metodologi penulisan (Emel Badi', 1981). Bagi tujuan penamaan, empat metodologi yang pertama boleh dinamakan dengan kaedah 'taqlib makjhraji' yang dicipta oleh Alkhalil bin Ahmad (Al-Khalil: tt), kaedah 'taqlib abjadij' yang dirintis oleh Ibnu Duraid (Ibnu Duraid: 1987), dan kaedah qawafiy yang dihasilkan oleh Al-Jauhariy (Al-Jauhariy: 1987) dan yang keempat dinamakan kaedah 'tartib abjadiy a'diy' yang dimulai oleh Az-Zamaksyari. (Az-Zamaksyari': 1998). Keempat-empat metodologi ini boleh dianggap satu kaedah yang sangat konservatif dalam penyusunan kamus-kamus Arab. Ini kerana keterikatan mereka yang kuat dengan corak pembentukan kata dalam ilmu morfologi Arab yang membuatkan mereka meletakkan semua perkataan akar atau kata tunggal bersama dengan semua kata terbitan hasil pengimbuhan awalan, akhiran, mahupun sisipan dalam satu entri yang sama. Ini bersesuaian dengan kaedah ilmu morfologi Arab selain ianya juga sangat berkesan dalam memastikan semua perkataan-perkataan Arab berjaya dikumpulkan sebagai satu data korpus yang lengkap dalam Bahasa Arab.

Setelah sekian lama corak keempat-empat metodologi ini digunakan, lahirlah metodologi kelima pada zaman kontemporari yang lebih bersifat dinamik dan progresif. Kaedah ini dinamakan kaedah susunan 'nutqi' (sebutan). Antara perintis terawal metodologi ini ialah para ulamak dari Lubnan seperti Abdullah Al-Alayili dan Jubrab Mas'ud di dalam mukjam mereka Al-Marji' dan Ar-Raed. Walaupun

kaedah ini mendapat tentangan daripada kebanyakan ulamak, namun ianya tetap bermanfaat terutamanya kepada para penutur bukan Arab. Pendekatan baru seperti ini, tidaklah bererti mengetepikan asas-asas utama pembentukan kata dalam bahasa Arab, sebaliknya ianya hanya bertujuan untuk memudahkan pihak pembaca memanfaatkan kamus-kamus Arab tanpa perlu mengetahui asas morfologi Arab dengan terperinci. Namun, kaedah ini boleh dimantapkan dengan memberi suntikan baru melalui susunan perkataan mengikut imbuhan yang kemudian dikategorikan kepada setiap jenis perkataan hasil pengimbuhan itu seperti yang ingin diusahakan oleh pengkaji dalam kajian ini agar lebih edukatif dan pada masa yang sama tidak menafikan asas-asas pembentukan kata dalam ilmu morfologi Arab.

Pembinaan Kamus Leksikal Dwibahasa (Arab-Melayu) oleh Ulamak Melayu

Perkembangan pembinaan kamus leksikal dwibahasa Arab-Melayu tidaklah bermula dengan begitu awal. Kerancangan penulisan kamus Arab-Melayu oleh tokoh-tokoh Melayu tidak dapat dibandingkan dengan perkembangan kamus leksikal ekabahasa bahasa Arab yang begitu pesat berkembang seawal kurun pertama hijrah sehingga ke hari ini seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Menurut Taj Rizal dan Ariza Abdullah (Taj Rizal, 2019), jumlah keseluruhan kamus-kamus dwibahasa yang dikarang hanyalah sekitar 150 buah kamus yang dikira bermula penghujung abad ke-19 hingga ke pertengahan tahun 2019. Jumlah ini amatlah sedikit berbanding kewujudan kamus-kamus ekabahasa Bahasa Arab yang boleh dikatakan mencecah ratusan bahkan ribuan kamus yang telah dikarang oleh pengarang yang berbeza.

Adapun kamus dwibahasa (Arab Melayu) yang paling lengkap hanyalah dikarang pada tahun 1932 oleh seorang ulamak Melayu tersohor yang bernama Sheikh Dr. Haji Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi (Marbawi: 1990). Kamus ini, walaupun menggunakan Bahasa Melayu lama untuk penterjemahan, ianya amat lengkap dan berjaya mengumpulkan banyak entri-entri yang berguna sama ada kepada masyarakat awam mahupun pengkaji Bahasa. Ianya disusun mengikut susunan abjad. Pengarang kamus ini tidak menjelaskan sumber rujukannya dalam pemilihan entrinya dan penterjemahan. Namun begitu, ciri konservatif dan bahasa Melayu lama yang digunakan oleh penulis telah membuatnya kurang diminati oleh orang awam yang ingin mempelajari bahasa Arab dengan lebih mudah dan mesra. Usaha penulisan kamus diteruskan dengan lahirnya kamus yang agak padat dan lengkap diberi nama Kamus Besar Dewan (Arab-Melayu). Ianya dikarang oleh sekumpulan pakar bahasa Arab dari pelbagai institusi awam dan hanya diterbitkan pada tahun 2006 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus ini disusun seperti susunan kamus Al-Marbawi dan susunan entri-entrinya serta rujukan makna perkataan banyak berdasarkan kepada kamus-kamus ekabahasa Arab kontemporari seperti Mukjam Wasit, Munjid, dan Mukjam Arabiy Asasiy seperti yang dinyatakan pada awal mukjam tersebut (Kamus Besar Dewan: 2006). Sebuah lagi mukjam yang lengkap

telah berjaya dikarang pada masa kini, ianya dikarang oleh Prof. Dr. Hj. Abu Abdullah Hanafi bin Hj. Dollah dan diberi nama kamus Al-Khalil sempena nama Al-Khalil bin Ahmad (Hanafi: 2006). Walaupun kamus ini diberi nama Al-Khalil, namun pengarangnya tidak menyebut sumber rujukan entri dan terjemahannya dengan jelas. Namun berdasarkan padanan entri dan terjemahan dalam kamus ini, didapati entri-entri kamus ini banyak merujuk kepada Mukjam Wasit. Bahkan, pengkaji sendiri pernah bertemu dengan penulis kamus ini pada tahun 2005 seusai selesainya beliau menulis kamus ini dan beliau menyatakan bahawa rujukan utamanya adalah Mukjam Wasit.

Ketiga-tiga kamus di atas boleh dikatakan satu usaha yang tuntas dan mantap dalam bidang pembinaan kamus-kamus leksikal dwibahasa Arab-Melayu. Namun, sudah tentu usaha yang lebih berlipat ganda diperlukan kerana boleh dikatakan hanya tiga kamus ini sahaja yang menjadi rujukan utama pada masa kini yang berorientasikan susunan mengikut abjad. Terdapat usaha-usaha lain dari pelbagai tokoh dan institusi percetakan yang berusaha mempelbagaikan metodologi pembinaan kamus seperti penulisan kamus-kamus poket untuk pelajar dan kamus-kamus khusus istilah-istilah tertentu. Antara kamus yang baik dan menarik dengan metodologi penyusunan mengikut istilah dan sebutan adalah kamus Al-Farid keluaran syarikat percetakan Telaga Biru (Kamus Al-Farid:2013). Kamus ini baik untuk pelajar kerana susunannya mengikut sebutan selain terdapat susunan khusus mengikut istilah bidang-bidang tertentu. Namun, ianya kurang lengkap berbanding dengan tiga kamus di atas selain tiada elemen pengelasan kata mengikut jenis-jenis perkataan mengikut acuan ilmu morfologi Arab. Justeru, usaha pengkaji untuk mencuba metodologi susunan entri berdasarkan pengimbuhan berserta keterangan jenis-jenis perkataannya perlu diberi perhatian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mengeluarkan hanya kata nama yang berimbuhan awalan dengan fonem mim mengikut jenis-jenisnya dalam "mukjam raed" karangan Jubran Mas'ud. Ini adalah kajian berbentuk kajian perpustakaan yang melibatkan penelitian dan huraian maklumat dari sumber korpus yang diteliti dan dikelaskan mengikut ciri-ciri linguistik tertentu. Proses pemilihan data adalah melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana data yang dipilih adalah berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik sesuai dengan objektif dan matlamat kajian. Data tersebut adalah semua kata nama berimbuhan awalan (fonem mim) dari mukjam raed yang kemudiannya dikategorikan mengikut jenis-jenisnya. Perkataan-perkataan ini akan menjadi entri utama untuk tujuan pembinaan sebuah kamus dwibahasa Arab-Melayu. Proses penterjemahan entri-entri tersebut adalah melalui perbandingan makna antara kedua-dua mukjam mengikut kategorinya bagi memastikan ketepatan dalam makna yang diterjemahkan. Kata nama berimbuhan

awalan fonem mim yang dipilih adalah berdasarkan penelitian dalam rujukan-rujukan ilmu morfologi Arab yang dikarang oleh para ulamak sorof.

Bagi menyuntik nilai edukatif dalam penyusunan entri perkataan-perkataan tersebut, penyusunan dan pengelasan jenis-jenis kata nama tersebut perlu dilakukan dengan mengambil kira anomali atau perubahan struktur morfologi suatu perkataan yang terjadi disebabkan oleh faktor i'lal, idgham, jamak, dan dan lain-lain. Ini penting bagi mengetengahkan kepada pelajar perubahan-perubahan yang berlaku dalam setiap kategori kata nama selari dengan kaedah morfologi Arab yang disertakan dengan contoh-contoh lengkap yang di ambil dari kamus Raed.

Kajian ini akan berfokus kepada kata nama berimbunan awalan fonem mim seperti dinyatakan di atas. Ianya adalah usaha awal pengumpulan kata nama berdasarkan imbunan awalan, dengan harapan akan diteruskan dengan pengumpulan kata kerja dan jenis-jenis kata yang lain berdasarkan fonem-fonem tambahan dari 10 jenis huruf ya g dinyatakan di atas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui penelitian dan usaha para ulamak kontemporari, dan setelah pemerhatian ke atas beberapa sumber utama dalam bidang morfologi, dapatlah disimpulkan bahawa pengimbuhan yang melibatkan tambahan fonem mim sebagai imbuhan awalan kata nama terjadi dengan pembentukan jenis-jenis 'wazan' seperti berikut (Rajhi, 1984, Mustafa Ghalayini, 2003):

16. مَفْعَالٌ (صبيغة مبالغة)	1. مُفَاعَلَةٌ (مصدر الثلاثي المزيد "فاعل")
17. مَفْعِيلٌ (صبيغة مبالغة)	2. مَفْعَلٌ (المصدر الميمي من الفعل الثلاثي)
18. مُفَعِّلٌ (اسم الفاعل من الرباعي المجرد فَعَّلَ)	3. مَفْعَلٌ (المصدر الميمي من الفعل الثلاثي)
19. مُتَفَعِّلٌ (اسم الفاعل من الرباعي المزيد تَفَعَّلَ)	4. مُفَعِّلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد فَعَّلَ)
20. مَفْعُولٌ (اسم المفعول من الثلاثي المجرد)	5. مُفَاعِلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد فاعل)
21. أسماء مفعولات من غير الثلاثي	6. مُفَعِّلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد أفعَل)
22. مَفْعَلٌ (اسما الزمان والمكان من الثلاثي)	7. مُتَفَاعِلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد تفاعل)
23. مَفْعَلٌ (اسما الزمان والمكان من الثلاثي)	8. مُتَفَعِّلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد تَفَعَّلَ)

24. مَفْعَلَةٌ (اسم المكان)	9. مُفْتَعِلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد افتعل)
25. مَفْعَلَةٌ (اسم المكان)	10. مُنْفَعِلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد انفعل)
26. أسماء الزمان من غير الثلاثي	11. مُفْعَلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد اِفْعَلَّ)
27. أسماء المكان من غير الثلاثي	12. مُسْتَفْعِلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد استفعل)
28. مِفْعَالٌ (اسم الآلة)	13. مُفْعَوَعِلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد اِفْعَوَعَلَ)
29. مِفْعَالٌ (اسم الآلة)	14. مُفْعَالٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد اِفْعَالَ)
30. مِفْعَلَةٌ (اسم الآلة)	15. مُفْعَوَلٌ (اسم الفاعل من الثلاثي المزيد افعول)

Berdasarkan maklumat yang dinyatakan di atas, terdapat sekurang-kurangnya 30 jenis atau bab yang terbentuk dari pengimbuhan awalan dengan fonem mim. Setiap bab tersebut perlu melalui proses pengumpulan data, pengelasan, penerangan anomali yang berlaku dan padanan makna untuk tujuan penterjemahan ke dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, kajian ini akan mengambil hanya satu bab iaitu kata nama (tempat) dari (thulathi mujarrad) yang akan dikeluarkan dari mukjam 'Raed'.

Dapatan kajian mendapati terdapat sekurang-kurangnya 562 kata nama (tempat) yang diambil daripada (thulathi mujarrad) dalam mukjam Raed karangan Jubran Mas'ud. Satu entri yang lengkap mengikut susunan sistem alfabet Arab telah disusun berserta terjemahannya ke dalam bahasa Melayu sebagai draf awal pembinaan kamus leksikal dwibahasa (Arab-Melayu). Dilampirkan di sini sebahagian daripada entri tersebut yang meliputi 50 kata nama tempat seperti berikut:

– مَبْحَثٌ – مَأْوَرَةٌ مَأْوَاةٌ – مَأْوَى – مَأْمَرٌ – مَأْمَلٌ مَأْلَفٌ – مَأْسَدَةٌ – مَأْرَبٌ – مَأْرَبٌ – مَأْرِبٌ – مَأْحَدٌ مَأْزَرَةٌ – مَأْمٌ – مَأْنَاءَةٌ – مَأْتَى – مَأْبَلَةٌ مَأْبِضٌ – مَأَبٌ – مَأْنَاءَةٌ – مَبْوَأٌ – مَبْنَى – مَبْلَعٌ – مَبْكَى – مَبْقَلَةٌ – مَبْقَى – مَبْعَاةٌ – مَبْعَى – مَبْعَقٌ – مَبْعَرٌ – مَبْطَحَةٌ – مَبْسِمٌ – مَبْرُكٌ – مَبْرَرٌ – مَبْرَدَةٌ – مَبْرَةٌ – مَبْدَأٌ – مَبْخَرَةٌ – مَبْعَلَةٌ مَبْعَبٌ – مَبْنَبَةٌ – مَبْرَبٌ – مَبَابَةٌ – مَبَابٌ – مَبْلَقَةٌ – مَبْلَقَةٌ – مَبْجَرَةٌ – مَبْجَرٌ – مَبْنَبَةٌ – مَبْنَبٌ –

Melalui proses penelitian dan pengelasan ke atas kata nama yang dikumpulkan, kajian mendapati beberapa fakta linguistik utama dapat disimpulkan, antaranya ialah:

- Kata nama (tempat) dibentuk untuk menerangkan tempat berlakunya sesuatu kejadian atau tempat terjadinya sesuatu perbuatan.
- Ianya dibentuk daripada kata kerja thulathi mujarrad (3 huruf) dengan dua wazan iaitu "maf'il" dan "maf'al".

- Terdapat beberapa kata nama (tempat) yang sepatutnya dibentuk atas wazan "maf'al" tetapi terjadi dengan wazan "maf'il". Ini adalah situasi khas dan di luar kaedah biasa. Antara kata nama tersebut ialah:

مَشْرِقٌ - مَغْرِبٌ - مَسْجِدٌ - مَنِيْبَةٌ - مَفْرَقٌ - مَجْرَرٌ - مَرْفُوقٌ - مَسْكِنٌ - مَحْشِرٌ - مَحْرَبٌ - مَغْدِنٌ

- Terdapat beberapa kata nama (tempat) yang sepatutnya dibentuk atas wazan "maf'il" tetapi terjadi dengan wazan "maf'al". Ini adalah situasi khas dan di luar kaedah biasa. Antara kata nama tersebut ialah:

مَطَارٌ (أصلها: مَطِيرٌ وَمَطِيرٌ) - مَسَارٌ (أصلها: مَسِيرٌ وَمَسِيرٌ) - مَدَاصٌ (أصلها: مَدِيصٌ وَمَدِيصٌ) - مَزَادٌ (أصلها: مَزِيدٌ وَمَزِيدٌ) - مَعَاشٌ (أصلها: مَعِيشٌ وَمَعِيشٌ) - مَصَادٌ (أصلها: مَصِيْدٌ وَمَصِيْدٌ).

- Terdapat banyak kata nama (tempat) yang ditambah huruf "ta' marbutah" pada hujung perkataannya, seperti berikut:

مَدْرَسَةٌ - مَطْبَعَةٌ - مَرْزَعَةٌ - مَعْرَكَةٌ - مَعَارَةٌ - مَغْسَلَةٌ - مَعْلَبَةٌ - مَجْرَزَةٌ - مَجْمَعَةٌ - مَحْبَسَةٌ - مَحْفَظَةٌ - مَجْلِسَةٌ - مَنزِلَةٌ - مَوْرِدَةٌ - مَوْقَعَةٌ - مَجَارَةٌ - مَدَاسَةٌ - مَرْعَاةٌ - مَبْرَةٌ - مَحْطَةٌ - مَرْزَلَةٌ - مَحَلَّةٌ.

- Terdapat juga kata nama (tempat) yang dibentuk dengan wazan "maf'ulah". Ianya keadaan yang jarang berlaku dan hanya melibatkan beberapa perkataan sahaja, seperti:

مَأْتَرَةٌ - مَسْرَبَةٌ - مَشْرَبَةٌ - مَصْنَعَةٌ.

- Seperti diterangkan di atas, kata nama (tempat) dibentuk wazannya dengan melihat kepada kata kerja. Namun begitu, terdapat kata nama (tempat) yang dibentuk dari kata nama (jamid) yang berasal dari tiga perkataan. Ianya dibentuk atas wazan "maf'alah" dengan membawa maksud banyaknya benda (boleh dilihat) di sesuatu tempat, seperti berikut:

مَأْبَلَةٌ - مَأْسَدَةٌ - مَأْوَرَةٌ - مَبْطِخَةٌ - مَتَفَحَةٌ - مَتَعَلَةٌ - مَثْوَرَةٌ - مَتَانَةٌ - مَتَعَلَةٌ - مَخَصَاةٌ - مَخَوَاتٌ

- Terdapat kata nama (tempat) yang berlaku i'lal pada hurufnya mengikut kaedah i'lal dalam ilmu soraf, seperti berikut:

مَابٌ (أصلها: مَأْوَبٌ) - مَأْتَى (أصلها: مَأْتِيٌّ) - مَأْوَى (أصلها: مَأْوِيٌّ) - مَبْعَى (أصلها: مَبْعِيٌّ) - مَبْقَى (أصلها: مَبْقِيٌّ) - مَثَابٌ (أصلها: مَثَوْبٌ) - مَشْتَى (أصلها: مَشْتِيٌّ) - مَصَادٌ (أصلها: مَصِيْدٌ) - مَطَارٌ (أصلها: مَطِيرٌ) - مَثَابَةٌ (أصلها: مَثَوْبَةٌ) - مَخَنَاءٌ (أصلها: مَخَنَوَةٌ) - مَخَاضَةٌ (أصلها: مَخَوَضَةٌ).

- Terdapat kata nama (tempat) yang berlaku idgham pada dua huruf yang serupa mengikut kaedah idgham dalam ilmu soraf, seperti berikut:

مَحْطٌ (أصلها: مَحْطَطٌ) - مَحَلٌ (أصلها: مَحَلَلٌ) - مَحْطٌ (أصلها: مَحْطَطٌ) - مَمْرٌ (أصلها: مَمْرَرٌ) - مَرَبٌ (أصلها: مَرَبَبٌ) - مَصَفٌ (أصلها: مَصَفَفٌ) - مَفْرٌ (أصلها: مَفْرَرٌ) - مَبْرَةٌ (أصلها: مَبْرَرَةٌ) - مَجَبَةٌ (أصلها: مَجَبَبَةٌ) - مَحَلَّةٌ (أصلها: مَحَلَلَّةٌ).

- Kata nama (tempat) dibentuk jamaknya dengan menggunakan wazan "mafa'il". Wazan ini adalah wazan yang tidak boleh menerima tanwin, seperti berikut:

مَسَاجِدٌ - مَبَاحِثٌ - مَخَاجِبٌ - مَحَاجِرٌ - مَحَارِقٌ - مَوَاقِعٌ - مَوَاضِعٌ - مَآخِذٌ - مَبَاجِرٌ - مَبَادِيٌ - مَبَارِدٌ

- Kata nama (tempat) yang berakhir dengan "ta' ta'nis" boleh dijamakkan dengan kaedah jamak muannas salim, seperti berikut:

مَحَلَّةٌ مَحَلَّاتٌ - مَحْطَةٌ مَحْطَاتٌ - مَبْرَةٌ مَبْرَاتٌ - مَجْرَةٌ مَجْرَاتٌ - مَرْكَبَةٌ مَرْكَبَاتٌ - مَرْزَلَةٌ مَرْزَلَاتٌ - مَطْبَعَةٌ مَطْبَعَاتٌ

- Terdapat kata nama (tempat) yang tidak berakhir dengan "ta' ta'nis" yang dijamakkan dengan kaedah jamak muannas salim. Hal ini adalah di luar dari kaedah

biasa dan juga mengikut kaedah jamak muannas salim bagi kata nama (lelaki) yang tidak berakal, seperti berikut:

مَعَارَاتٌ - مَزَادَاتٌ - مَزَارَاتٌ - مَمْرَاتٌ - مَطَارَاتٌ

- Kata nama (tempat) yang terdapat huruf 'illah iaitu huruf ya'(ي) yang asli di kedudukan 'ain wazannya hendaklah dikekalkan ya' tersebut ketika proses jamak, seperti berikut:

مَصَيِّفٌ مَصَائِفٌ - مَسِيْلٌ مَسَائِلٌ - مَصِيْرٌ مَصَائِرٌ - مَحِيْدٌ مَحَايِدٌ - مَضِيْقٌ مَضَائِقٌ - مَعِيْبٌ مَعَايِبٌ - مَعِيْضٌ مَعَايِضٌ

- Dan kata nama (tempat) yang terdapat huruf 'illah di kedudukan 'ain wazannya yang diterbalikkan dari huruf illah asli yang lain, hendaklah dikembalikan huruf asli tersebut ketika jamak, seperti berikut:

مَأْبٌ مَأَوِبٌ - مَجَازٌ مَجَاوِرٌ - مَدَاسٌ مَدَاوِسٌ - مَجَالٌ مَجَاوِلٌ - مَخَاطٌ مَخَاوِطٌ - مَخَاضٌ مَخَاوِضٌ - مَدَادٌ مَدَاوِدٌ

- Kata nama (tempat) yang berlaku idgham pada hurufnya akan kekal idgham tersebut ketika jamak atas wazan "mafa'il", seperti berikut:

مَحَلٌّ مَحَالٌ - مَجْسٌ مَجَاسٌ - مَدَبٌ مَدَابٌ - مَرَبٌ مَرَابٌ - مَسَدٌ مَسَادٌ - مَصَبٌ مَصَابٌ - مَقَرٌ مَقَارٌ - مَمْرٌ مَمَارٌ

- Kata nama (tempat) yang tiada "lam takrif" dan berakhir dengan huruf 'illah hendaklah dibuang huruf illah tersebut ketika jamak dalam kedudukan rafa' dan jarr, dan diganti dengan tanwin "i'wad" berbaris bawah, seperti berikut:

مَجْرَى مَجَارٍ (أصلها: مَجَارِي) - مَأْوَى مَأَوِي (أصلها: مَأَوِي) - مَبْنَى مَبَانٍ (أصلها: مَبَانِي) - مَثْوَى مَثَاوٍ (أصلها: مَثَاوِي).

- Kata nama (tempat), kata nama (zaman), dan "masdar mimiy" yang diambil dari kata kerja "thulathi mujarrad" adalah terbentuk dengan wazan yang sama, tetapi dibezakan dengan melihat konteks penggunaannya di dalam ayat.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan di sini, satu wawasan baru dan orientasi terkini dalam menyusun kamus leksikal dwibahasa boleh dilaksanakan berpandukan data korpus yang sedia ada. Selain penyusunan entri utama yang lengkap, analisis linguistik morfologi terhadap data-data tersebut perlu disertakan bersama contoh-contohnya yang disusun dalam satu entri lain supaya lebih jelas dan mudah difahami oleh para pelajar. Ini bermakna, bukan sahaja satu kamus leksikal lengkap berdasarkan jenis-jenis kata dalam bahasa Arab akan disusun, bahkan analisis linguistik yang berpandukan data tersebut boleh dilampirkan dalam bentuk jadual sebagai nilai tambah yang edukatif yang membantu para pelajar memahami isu-isu morfologi yang berlaku. Semoga kajian ini menjadi contoh permodelan teknik penyusunan kamus leksikal edukatif dan dikembangkan meliputi semua jenis kata dalam bahasa Arab yang akan memberi manfaat bukan sahaja dalam pembinaan kamus leksikal, bahkan unsur-unsur pengajaran disekalikan ketika proses analisis linguistik dilaksanakan.

RUJUKAN

Abduh Ar-Rajih. 1984. *At-Tatbiq As-Sorfiy*. Dar Nahdah arabiyyah. Beirut-Lubnan.

- Abdus Samih Muhammad Ahmad. 2007. *Al-Maajim Al-Arabiyyah*. Qaherah: Dar al-fikr al-arabiy
- Al-Hamlawi, Ahmad bin Muhammad. Syaza Al-urf Fi Fan As-sorf. Maktabah Al-ruyd. Riyadh.
- Al-Jauhariy, abu nasr ismail bin hammad. 1987. *As-Sihah*. Dar ilm lilmalayin. Beirut-Lubnan.
- Al-Marbawiy, Haji Muhammad Idris Abd Rauf. 1990. *Kamus Idris Al-Marbawiy*. Darul fikir. Kuala Lumpur.
- Al-Mubarrid, Muhammad bin Yazid Al-Azdiy. *Al-muqtdhab*. Alam Kitab. Beirut-Lubnan.
- Al-Said Al-Waraq. 1990. *Fi Masadir Al-Turath Al-arabiy*. Iskandariyah: Dar Al-macrifah Al-jamiciyyah.
- Al-Zamakhshari, Abu Qasim Mahmud bin Amru. 1998. *Asasul Balaghah*. Dar Al-kutub Al-ilmiyyah. Beirut-Lubnan.
- Hanafi Dollah, Hj. Abu Abdullah Hanafi. 2006. *Kamus Al-khalil*. Pustaka Salam. Kuala Lumpur.
- Ibn Duraid, Abu Bakar Muhammad bin Al-Hasan. 1987. *Jamharatul Lughah*. Dar Ilm Lilmalayn. Beirut-Lubnan.
- Ibn Jinni, Abu Fath Uthman Ibn Jinni. 1954. *Al-munsif Syarh Kitab Tasrif lil Maziniy*. Dar Ihya' Turath Qadem.
- Ibn Manzur. t.th. *Lisan Al-Arab*
- Ibn Sarraj, Abu Bakr Muhammad bin Sirriy. *Al-usul Fi Nahw*. Muassasah Ar-risalah. Beirut-Lubnan.
- Ibn 'Usfur, Ali bin Mukmin bin Muhammad. 1996. *Al-mumti' Al-kabir fi Al-tasrif*. Maktabah Lubnan.
- Ibn Ya'ish, Ya'ish bin Ali bin Ya'ish bin Abi Saraya. 2001. *Syarh Mufasssol*. Dar Kutub Ilmiyyah. Beirut-Lubnan.
- Imil Badi' Yakub. 1985. *Al-maajim Al-lughawiyah Al-arabiyyah Bada'atuha Wa Tatawwuruha*. Dar Al-ilm lil Malayin. Beirut.
- Jubran Masud. 1992. *Al-Raed*. Dar Ilm lilmalayin. Beirut-Lubnan.
- Khalil Ibn Ahmad Al-Farahidi. t.th. *Al-Ain*.
- Mustofa Al-Alayiniy. 2003. *Jami' Durus Ar-Arabiyyah*. Dar Kutub Ilmiyyah. Beirut-Lubnan.
- Sibawaih, Amru bin Uthman bin Qunbur Abu Bisyr. 1988. *Alkitab*. Maktabah al-Khanji. Kaherah-Mesir.
- Subhi Soleh. 2007. *Dirasat Fi Fiqh Al-lughah*. Dar ilm lilmalayin. Beirut-Lubnan.